

27/07/2002

Benar gugur janin: Kementerian perlu bersedia

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Kementerian Kesihatan perlu membuat segala persiapan bagi pindaan Kanun Keseksaan membabitkan pengguguran kandungan sebelum memaklumkan kepada kementerian lain yang berkaitan dan Peguam Negara.

Timbalan Perdana Menteri berkata, walaupun pengguguran adalah salah dari segi agama, tujuan pindaan akta itu adalah untuk diguna pakai bagi kes tertentu saja seperti mangsa sumbang mahram.

"Memang pengguguran janin adalah salah, bukan saja dari segi agama Islam, tetapi juga Kristian. Tetapi kalau kita perlu adakan undang-undang, segala konflik yang mungkin akan timbul perlu diatasi.

"Kalau tidak, undang-undang di negara ini tidak akan jadi kemas," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari dan Minggu Pengguna serta Dasar Pengguna di sini hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, S Sothinathan semalam berkata, undang-undang dalam Kanun Keseksaan berhubung pengguguran akan dipinda bagi membenarkan kandungan yang berpunca daripada hubungan sumbang mahram, digugurkan.

Undang-undang mengenai perkara itu sekarang hanya membenarkan pengguguran jika sesuatu kandungan itu mengancam nyawa si ibu. Cadangan pindaan itu kini pada peringkat perbincangan dengan pelbagai pihak termasuk badan agama.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datuk Paduka Marina Mahathir, menyifatkan langkah mengkaji semula undang-undang berkaitan pengguguran janin hasil sumbang mahram sebagai berperikemanusiaan.

Katanya, walaupun MAM tidak terbabit dalam perbincangan itu kerana tidak membabitkan HIV/Aids secara langsung, kerajaan juga perlu memberi pertimbangan untuk rawatan khas kepada wanita terbabit jika dijangkiti Aids akibat dirogol.

"Pertimbangan membenarkan mangsa sumbang mahram menggugurkan kandungan mereka adalah berperikemanusiaan dan kesanggupan untuk membincangkan perkara berkenaan dianggap satu langkah ke depan dalam usaha membincangkan perkara berkaitan seks secara terbuka.

"Walaupun perbincangan hanya membabitkan kandungan hasil rogol dan sumbang mahram, perlu diingat jangkitan HIV/Aids HIV sering berlaku akibat kedua-dua kes berkenaan. Walaupun wanita yang dirogol dan mengandung dibenarkan menggugurkan kandungan, jika dia dijangkiti HIV/Aids masalahnya akan berterusan," katanya.